

## PEMBENTUKAN SOALAN BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM

### TAKSONOMI BLOOM

Pelopop : Benjamin Samuel Bloom.

Tujuan: Membina pemikiran dan pemahaman.

Contoh :

Menjawab soalan berdasarkan pemahaman petikan.

Menyatakan isi penting dalam cerita.

### ARAS PENGETAHUAN

**TUJUAN :**

Mengingat semula perkara-perkara yang telah dipelajari tanpa perubahan.

**CIRI SOALAN :**

Memerlukan calon mengingat semula. Jawapan calon menggunakan bahasa asal.

**OJEKTIF UMUM :**Mengetahui

**OBJETIF KHUSUS :**

Mampu menyatakan,

Menuliskan,

Melabelkan.

**KOSA KATA POPULAR :**

Labelkan

Senaraikan

Nyatakan

Manakah

Apakah

Berikan

**CONTOH SOALAN :**

1.Apakah maksud perkataan leka?

A.Lalai

B.Prihatin

C.Rajin

D.Malas

2. Di manakah letak ibu negara Malaysia?

A.Surabaya

B.Kuala Lumpur

C.Kota Kinabalu

D.Kangar

## ARAS KEFAHAMAN

### TUJUAN :

Memahami sesuatu bahan, menjelaskan atau memberi makna kepada sesuatu perkara, dan menjangkakan kemungkinan.

### CIRI SOALAN :

Memerlukan calon memahami fakta dan menghuraikannya, memberi contoh atau ilustrasi dalam bahasanya sendiri.

i. Terjemahan isi

ii. Tafsiran maklumat

iii. Aras ekstrapolasi / tafsiran lanjut berdasarkan maklumat yang digambarkan

### OBJEKTIF UMUM :

Dapat memahami, menelaah, dan menjelaskan

### OBJEKTIF KHUSUS :

- \* Membanding
- \* Membezakan
- \* Menulis
- \* Merumuskan semula

### KOSA KATA POPULAR :

Terangkan

Jelaskan

Huraikan

Tukarkan

Mengapakah

Bandingkan

Bezakan

Ringkaskan

### Contoh soalan :

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan di bawah.

1. Ali merupakan seorang pelajar yang sangat gigih berusaha demi mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang doktor.

- A. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- B. Bagai aur dengan tebing
- C. Kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- D. Bagai tikus membaiki labu

Isikan tempat kosong dengan simpulan bahasa yang betul.

2. Hani merupakan seorang murid yang rajin membaca buku. Dia digelar \_\_\_\_\_ di sekolah tersebut.

- A. Buaya darat
- B. Kaki bangku
- C. Ulat buku
- D. Putih mata

### ARAS APLIKASI

#### TUJUAN :

- \* Menggunakan pengetahuan mujarat (abstrak)
- \* Menyelesaikan masalah / situasi maujud (konkrit)

#### CIRI SOALAN :

- \* Memerlukan calon menyelesaikan masalah bukan rutin atau masalah baharu
- \* Masalah diselesaikan dengan cara tersendiri menggunakan gabungan teori, pengalaman, dan pelbagai kaedah penyelesaian masalah yang mempunyai unsur persamaan
- \* Penekanan : kaedah, hukum, teori

#### OBJEKTIF UMUM :

Menunjukkan, menyelesaikan, menggunakan

#### OBJEKTIF KHUSUS :

Menyediakan, menghubungkan, mengira, mengendalikan, menggunakan

#### KOSA KATA POPULAR :

Selesaikan

Binakan

Carikan

Tunjukkan

Kirakan

Demonstrasikan

Bagaimana

Berikan

#### CONTOH SOALAN :

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

1)

I. Kereta abang telah uzur benar dan perlu diganti

II. Saya berharap agar beliau uzur diri daripada jawatan ini

III. "Kalau tiada uzur, saya pasti ke rumah awak," kata Pak Ali

IV. Encik Daud tidak dapat menghadiri mesyuarat itu kerana beliau uzur

A. I dan III sahaja

B. II dan IV sahaja

C. I, III, dan IV sahaja

D. II, III dan IV sahaja

2)

- I. Polis cuba mencungkil rahsia daripada orang yang disyaki itu
  - II. Aktiviti mencungkil bijih timah di kaki bukit itu giat dijalankan
  - III. Abang sedang mencungkil batu kecil yang terlekat pada tapak kasutnya
  - IV. Pertandingan badminton untuk mencungkil bakat baharu akan diadakan minggu depan
- A. I dan III sahaja
  - B. II dan IV sahaja
  - C. I, III, dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

### ARAS ANALISIS

#### TUJUAN :

- \* Menaakul, mencari sebab dan musabab
- \* Melaikan suatu komunikasi / tajuk kepada beberapa bahagian

#### CIRI SOALAN :

- \* Memerlukan calon menganalisis, memecah atau mencerakinkan fakta untuk mengkaji unsur-unsurnya secara mendalam termasuk membanding, membeza, mengupas dan membuktikan

#### OBJEKTIF UMUM :

Mencerakinkan, menjelaskan, menilai kerelevanan data dan menaakul

#### OBJEKTIF KHUSUS :

Mencerakinkan, mengasingkan, membahagikan, menjelaskan struktur dan organisasi

#### KOSA KATA POPULAR :

Bandinkan  
Bezakan  
Buktikan  
Beri sebab  
Buat analisis  
Cerakinkan  
Tafsirkan  
Klasifikasikan

#### CONTOH SOALAN :

Baca ayat di bawah, kemudian jawab soalan di bawah.

Pertandingan Puisi Pelbagai Kaum yang terbuka kepada semua pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya telah mendapat sambutan hangat.

1. Rangkai kata sambutan hangat dalam ayat bermaksud

A. Menyampaikan sesuatu dengan penuh semangat

- B. Menerima penyertaan yang amat menggalakkan
- C. Melakukan dengan bersungguh-sungguh
- D. Mendapat perhatian daripada orang lain

Jamilah sentiasa meniupkan semangat kepada Farid agar adiknya dapat berjalan semula.

2. Apakah maksud rangkai kata meniupkan semangat dalam ayat?

- A. Menunjukkan ketabahan
- B. Memberikan perangsang
- C. Menjalani pemulihan
- D. Membina ketahanan

### ARAS SINTESIS

#### TUJUAN :

Membentuk sesuatu yang baharu

#### CIRI SOALAN :

- \* Memerlukan calon merancang, mereka / mencipta dan menghasilkan sesuatu hasil yang kreatif daripada penggabungan pelbagai unsur.
- \* Ini termasuk penghasilan sesuatu rancangan, rumusan, kaedah, prosedur atau cadangan.
- \* Menguji kebolehan calon untuk mencantumkan, menggabungkan, mengintegrasikan fakta-fakta atau idea-idea berkaitan.

#### OJEKTIF UMUM :

- \* Menulis karangan, mencadangkan suatu pandangan.
- \* Menghasilkan karya.

#### OBJETIF KHUSUS :

- \* Menggabungkan, mengubah, mereka cipta, merancang, menulis, mencipta.

#### KOSA KATA POPULAR :

Rancangkan

Rumuskan

Sediakan

Cadangkan

Karangkan

Gubahkan

Gabungkan

Mereka bentuk

Kumpulkan

Susunkan

#### CONTOH SOALAN :

1. Susun semula baris-baris pantun di bawah supaya menjadi serangkap pantun yang lengkap.

Masak sebiji di atas peti  
Hutang budi dibawa mati  
Pisang emas dibawa belayar  
Hutang emas boleh dibayar

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_;  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Aminah lahir pada tahun 1985. Pada tahun bilakah dia menduduki peperiksaan PMR?

- A.1997
- B.1998
- C.1999
- D.2000

#### ARAS PENILAIAN

##### **TUJUAN :**

Membuat penilaian dan pertimbangan berdasarkan kriteria tertentu.

##### **CIRI SOALAN :**

Memerlukan calon menilai, membuat pertimbangan atau justifikasi , mengesahkan, mengkritik dan memberi pendapat terhadap sesuatu pernyataan untuk mencapai atau mendapatkan sesuatu kesimpulan.

##### **OBJEKTIF UMUM :**

Menimbang nilai, ketekalan dan kecukupan data.

##### **OBJEKTIF KHUSUS :**

Menilai, membuat pertimbangan.

##### **KOSA KATA POPULAR :**

Bincangkan  
Nilaikan  
Beri pendapat  
Beri justifikasi  
Pertimbangkan  
Sejauh mana  
Rumuskan  
Tafsirkan  
Bandingkan  
Ulaskan

##### **CONTOH SOALAN :**

1. Beri pendapat anda tentang kebaikan dan keburukan tinggal di asrama.

**2. Ilmu sangat penting dalam kehidupan.  
Bincangkan pernyataan tersebut.**

**DOMAIN AFEKTIF KRATHWOHL , 1964**  
**(TAKSONOMI OBJEKTIF AFEKTIF)**

**Pelopop : David R. Krathwohl, Benjamin S. Bloom dan Bertram B. Masia.**

**Berkaitan : Perasaan, emosi, dan perkara-perkara kurang nyata dalam sesuatu subjek.**

**Penekanan : Perubahan tingkah laku pelajar pada akhir sesuatu pembelajaran.**

**Peranan guru : Pupuk perasaan suka dan minat dalam kalangan murid alam subjek yang diajarnya.**

**PERINGKAT PENERIMAAN**

**KONSEP :**

**\*Murid diberi kesedaran akan sesuatu fenomena dan ransangan.**

**\*Murid memberi perhatian terhadap ransangan tersebut.**

**\*Langkah terawal dalam sesuatu pembelajaran.**

**KATEGORI :**

**1) Keinginan dan kesanggupan menerima :**

**§Kesanggupan memberi perhatian.**

**§Mendengar ucapan / pendapat orang lain.**

**§Menghormati kebudayaan berlainan.**

**2) Kesedaran :**

**Faktor :**

**Estetik.**

**Reka bentuk.**

**Kecantikan sesuatu benda.**

**Pelbagai pendapat dalam sesuatu perkara.**

**3) Perhatian terkawal :**

**Kebolehan memberi perhatian kepada sesuatu ransangan.**

**Contoh :**

**Menghayati orang mendeklamasi sajak.**

**OBJEKTIF UMUM :**

**\*Mendengar dengan berhati-hati.**

**\*Menunjukkan kesedaran dalam kepentingan pembelajaran.**

**\*Menunjukkan sensitiviti dalam masalah sosial.**

**\*Menerima perbezaan keturunan dan kebudayaan.**

**\*Mengambil bahagian dalam aktiviti kelas.**

**OBJEKTIF KHUSUS :**

**\*Menyoal.**



- \*Memilih.
- \*Menghuraikan.
- \*Mengikut.
- \*Mengetahui pasti.
- \*Menamakan.
- \*Menggunakan.

#### **PERINGKAT BERTINDAK BALAS**

##### **KONSEP :**

- \*Kesanggupan bertindak balas terhadap sesuatu perkara atau ransangan.
- \*Mengambil bahagian secara aktif.
- \*Pelajar mengambil perhatian dan memberi tindak balas.

##### **KATEGORI :**

###### **1) Persetujuan membalas :**

- \*Setuju untuk ikut peraturan.

##### **Contoh :**

Senaraikan 5 teknik (peraturannya 5 teknik).

###### **2)Kesediaan membalas :**

- \*Sukarela.

###### **3)Kepuasan membalas :**

- \*Merasa suka / senang dalam pembelajaran (capai objektif).

##### **OBJEKTIF UMUM :**

- \*Arahkan pelajar melengkapkan kerja rumah.
- \*Respon pelajar sebagai bukti penglibatan dalam kelas.
- \*Seronok membantu rakan.
- \*Secara sukarela.

##### **OBJEKTIF KHUSUS :**

- \*Menulis tentang isi pelajaran.
- \*Menjawab soalan.
- \*Melafazkan sesuatu.
- \*Menyatakan. Main peranan.

## **PERINGKAT MENILAI**

### **KONSEP :**

\*Kemahiran membuat penilaian dan memberi penghargaan terhadap sesuatu benda dan tingkah laku.

\*Berdasarkan penghayatan suatu set nilai spesifik.

### **KATEGORI :**

#### **1. Penerimaan :**

ØMurid punya minat yang baik.

ØKeinginan menguasai sesuatu yang baik.

#### **2. Pilihan :**

ØUsaha memperoleh suatu nilai yang telah dipilih.

#### **3. Penglibatan :**

ØLibatkan diri dalam perbincangan.

ØLibatkan arahan ketua kelas.

### **OBJEKTIF UMUM :**

\* Menghargai karya orang lain.

\* Menunjukkan sikap menyelesaikan masalah.

\* Bekerjasama.

### **OBJEKTIF KHUSUS :**

\* Berbincang dengan rakan-rakan.

\* Melaporkan.

\* Mencadangkan.

## **PERINGKAT ORGANISASI**

### **KONSEP :**

\*Pelajar mengorganisasikan / mengaplikasikan nilai.

\*Pelajar dapat membezakan nilai penting dan kurang penting.

### **KATEGORI :**

#### **1. Tanggapan :**

Mampu mencipta konsep yang abstrak.

## **2. Organisasi :**

**Hidup sekelompok.**

**Kebolehan menyatukan / aplikasi nilai-nilai berkaitan.**

**Membentuk suatu sistem.**

### **OBJEKTIF UMUM :**

**Pelajar mampu mereka cipta (nilai estetika).**

**Contoh :**

**Reka baju tradisi.**

### **OBJEKTIF KHUSUS :**

**Mampu membina / mereka. Mampu membina karangan.**

## **PERINGKAT PERWATAKAN**

### **KONSEP :**

**Perubahan tingkah laku selepas sesi pengajaran dan pembelajaran.**

### **OBJEKTIF UMUM :**

**\*Kebolehan mengekalkan nilai-nilai.**

**\*Perwatakan : disiplin diri, dapat menyelesaikan masalah dengan baik.**

### **KATEGORI :**

#### **1. Set am :**

**\* Sedia mengubah pertimbangan, dan mengubah tingkah laku mengikut maklumat baharu**

**\* Melihat masalah dengan cara yang objektif, realistik, dan sabar.**

**\* Menggunakan cara-cara yang objektif, dan perancangan sistematik untuk menguasai sesuatu.**

**\* Optimis akan berjaya.**

#### **2. Perwatakan :**

**\* Membentuk kod tingkah laku berdasarkan prinsip-prinsip etika untuk panduan kehidupan sehari-hari.**

**\* Membentuk falsafah hidup yang konsisten.**

**\* Membentuk suara hati atau kesedaran batin.**